

SUNCODIN TABLET

Dihydrocodeine Tartrate (30mg)

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Suncodin Tablet
2. Bagaimana Suncodin Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Suncodin Tablet
4. Cara menggunakan Suncodin Tablet
5. Semasa menggunakan Suncodin Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Suncodin Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah Kegunaan Suncodin Tablet

Untuk melegakan kesakitan sederhana kepada yang teruk.

Bagaimana Suncodin Tablet Berfungsi

Tablet Suncodin mengandungi bahan yang dipanggil *Dihydrocodeine Tartrate*. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai analgesik, yang digunakan untuk melegakan kesakitan.

Sebelum menggunakan Suncodin Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda mempunyai depresi respiratori; penyakit saluran pernafasan obsruktif.

- Sebelum menggunakan Suncodin Tablet

Anda perlu menyemak dengan doktor anda:

- Jika anda mempunyai asma
- Jika anda warga tua
- Jika anda mempunyai masalah tiroid
- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati
- Jika anda minum alkohol
- Sila rujuk doktor anda sebelum menggunakan Suncodin tablet jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau berniat untuk menyusukan. Doktor anda akan menimbang risiko dan manfaat pengambilan tablet Suncodin.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat apabila diambil dengan Tablet Suncodin boleh bereaksi antara satu sama lain. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor anda atau ahli farmasi jika anda mengambil seperti berikut:

- *Narcotic Analgesic*, untuk melegakan kesakitan.
- *General Anesthetics*, digunakan untuk menghilangkan rangsangan dan tidak sedarkan diri.
- *Tranquilizers*, digunakan untuk mengurangkan ketegangan, perasaan ataupun membantu seseorang untuk tidur.
- *Sedative-Hypnotics/ CNS depressant* lain (*termasuk alkohol*) memperlakukkan fungsi badan dari menenangkan pesakit sehingga menggalakkan seseorang tidur.

Cara menggunakan Suncodin Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 1 tablet (30 mg) setiap 4-6 jam atau mengikut budi bicara doktor.

Kanak-kanak 4-12 tahun: 0.5-1 mg / kg berat badan setiap 4-6 jam.

Ia tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah 4 tahun..

- Bila perlu digunakan

Ia perlu diambil bersama dengan makanan atau selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Iikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang mengambil terlalu banyak ubat ini, walaupun tidak ada tanda-tanda ketidaksesuaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera. Mengambil terlalu banyak Suncodin tablet boleh menyebabkan anak mata (pupil) menjadi kecil, kesukaran pada sistem pernafasan, tidak sedar diri, masalah kardiovaskular dan boleh menyebabkan kematian.

Semasa menggunakan Suncodin Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Suncodin Tablet mengikut arahan doktor.

- Perkara yang tidak perlu dilakukan

Jangan berkongsi Suncodin tablet anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Suncodin tablet terhadap anda. Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang dinyatakan.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Suncodin tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Berjuma doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini seperti Sembelit, loya, muntah-muntah, sakit kepala dan gayat berlaku dan agak lebih biasa apabila dos meningkat > 30 mg.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→ Reporting*)

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Sun-codin Tablet

- Penyimpanan

Simpan pada suhu dibawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui sisa air atau buangan isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Bulat, oren, cembung, tablet biasa dengan logo "SW" dalam heksagon dua.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
- Dihydrocodeine Tartrate

- Bahan tidak aktif
 - Corn Starch
 - Sunset Yellow 22%
 - Magnesium Stearate
 - Lactose

- Nombor MAL

MAL05090018AZ

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Date of revision

02/10/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)290915/00328